

2,502 graduan USIM terima ijazah

Nilai: Seramai 2,502 graduan menerima ijazah sempena Majlis Konvokesyen ke-13 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, yang diadakan semalam hingga esok.

Konvokesyen kali ini membawa tema USIM Muqarnas sempena kejayaan universiti berkenaan melalui Fakulti Sains dan Teknologi melahirkan graduan sulung daripada Program Sarjana Muda Sains Senibina.

Istiadat pembukaan konvokesyen itu disempurnakan Canselor USIM Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud. Turut berangkat, Pro-Canselor Tengku Besar Seri Menanti Tunku Ali Redhaudin Tuanku Muhriz.

Tuanku Aishah Rohani bertitah, USIM menempuh pelbagai perubahan, tuntutan, perkembangan dan pembangunan dalam tempoh 15 tahun daripada sebuah universiti kecil kepada universiti rujukan serantau dengan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli.

"Ini dijelmakan melalui sasaran ditetapkan USIM dalam Fasa Pertama Pelan Strategik USIM 2013-2025.

"Taraf berautonomi diberikan kepada USIM pada awal tahun lalu adalah pengiktirafan terhadap kemampuan mentadbir organisasi secara teratur, jujur dan berintegriti. Beta yakin ini kesempatan dan

peluang USIM bergerak lebih inovatif dan kreatif," titah baginda.

Pada majlis konvokesyen semalam, 823 graduan menerima ijazah termasuk penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah, Profesor Emeritus, Anugerah Pelajaran Diraja, Anugerah Canselor dan Pingat Naib Canselor.

Dua tokoh menerima ijazah Doktor Falsafah Kehormat iaitu Presiden Universiti Islam Malaysia Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor (Ijazah Doktor Falsafah Kehormat Pendidikan) manakala mantan Ketua Hakim Negara Tun Zaki Azmi (Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman).

Bekas Dekan Pertama Fakulti Pergigian USIM Prof Datuk Dr Wan Mohamad Nasir Wan Othman pula dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus.

Naib Canselor USIM Prof Datuk Dr Musa Ahmad berkata, jumlah graduan yang menerima ijazah kali ini adalah tertinggi sejak ditubuhkan.

Lebih membanggakan, katanya, USIM melahirkan 10 graduan perintis Sarjana Muda Sains Senibina, selain graduan perintis daripada tiga program di bawah Fakulti Pengajian Bahasa Utama iaitu Program Pendidikan (Pendidikan Islam), Sekolah Rendah (Pendidikan Islam) dan Sekolah Rendah (Bahasa Inggeris).



GRADUAN meraikan kejayaan selepas menerima ijazah.